

Rabu, 21 Ogos 2019 | 7:45pm



PERSATUAN Dobi dan Pengusaha Dobi Melayu (MULA) mengadakan sidang media memberi cadangan Kementerian KPDNHEP menarik semula dasar larangan dan pembekuan pengambilan pekerja asing di sektor perkhidmatan dan pendobian di Solaris Dutamas. - Foto Amirudin Sahib

Pengusaha dobi rayu kerajaan benarkan ambil pekerja asing

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pengusaha industri dobi di negara ini merayu supaya kerajaan menarik balik dasar larangan dan pembekuan pengambilan pekerja asing bagi sektor pendobian.

Rayuan itu disuarakan menerusi Persatuan Pengusaha Dobi Melayu (MULA) serta Persatuan Dobi Selangor dan Kuala Lumpur (SEKLLAAS) berikutan pengusaha dobi kini berdepan isu kekurangan pekerja yang kritikal.

Presiden MULA, Abdul Jalil Ibrahim, berkata kesan dasar itu amat kritikal pada semua sektor utama negara seperti perhotelan, hospital, pelancongan, penerbangan, perkilangan, perkapalan, pengangkutan, pendidikan serta agensi kerajaan yang semuanya menggunakan khidmat dobi.

“Sektor dobi sangat bergantung pada pekerja asing kerana pengusaha yang menguruskan dobi bagi hotel atau penerbangan memerlukan antara 100 hingga 200 pekerja pada satu masa, dalam keadaan pekerja tempatan tidak berminat bekerja dalam industri ini.

“Keperluan pekerja akan bertambah bagi perkhidmatan dobi yang terbabit dengan industri pelancongan kerana Malaysia dijangka menerima jumlah pelancong tinggi sepanjang kempen Tahun Melawat Malaysia 2020.

“Kesan daripada dasar ini akan menyebabkan perniagaan perkhidmatan dobi berskala kecil atau besar berisiko menutup operasi kerana tiada pekerja, selain mungkin memaksa beberapa pengusaha dobi menggunakan khidmat pekerja asing tanpa izin (PATI),” katanya dalam satu sidang media di sini, hari ini.

Pada 8 Ogos lalu, Muhyiddin mengumumkan kerajaan bersetuju dengan cadangan penutupan penggajian pekerja asing bagi subsektor perkhidmatan lain iaitu dobi, tekstil, tukang gunting dan tukang emas yang dibekukan sejak 2009.

Abdul Jalil mendakwa, larangan pengambilan pekerja asing bagi sektor dobi itu dibuat tanpa perbincangan dengan wakil pengusaha dobi, sekali gus kerajaan tidak memahami kesan dasar berkenaan secara komprehensif terhadap pelbagai industri yang bergantung pada perkhidmatan dobi.

Sehubungan itu, katanya, satu pertemuan perlu diadakan antara wakil pengusaha dobi dengan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk mencari penyelesaian terbaik kepada semua pihak.

“Dianggarkan, pengusaha dobi di Lembah Klang saja memproses lebih 1,000 tan linen sehari, yang memerlukan ratusan pekerja mencuci, melipat, menggosok dan lain-lain, namun pekerja tempatan tidak berminat,” katanya.

Sementara itu, Presiden SEKLLAAS, Tham Ah Wah, berkata semua pengusaha dobi sudah berusaha keras untuk menggajikan pekerja tempatan, termasuk membayar gaji tinggi, namun berdepan pelbagai masalah, khususnya membabitkan sikap dan disiplin.

“Perkara paling kerap berlaku apabila menggajikan pekerja tempatan ialah mereka akan berhenti dalam tempoh seminggu hingga sebulan.

“Ada gesaan supaya kami menggunakan mesin untuk kerja melipat dan seumpamanya, namun kos terlalu tinggi, selain kami masih memerlukan tenaga kerja untuk meletak atau mengambil pakaian daripada mesin,” katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Drop and Wash Sdn Bhd, Zarina Ismail Tom, berkata pihaknya sanggup membayar gaji sehingga RM1,500 kepada pekerja tempatan, termasuk mereka yang tidak memiliki sebarang latar pendidikan, namun mereka tidak akan bekerja lama.

Beliau juga berusaha menggajikan individu terpinggir seperti gelandangan, transgender, miskin bandar dan orang kurang upaya (OKU), selain menjalin kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), namun masih memerlukan khidmat pekerja asing yang lebih produktif.

“Pekerja dobi bukan saja babitkan tugas melipat baju, tapi juga menguruskan sut, mencuci pakaian seragam tentera serta memastikan cucian daripada hotel siap pada masanya. Ini semua memerlukan jumlah pekerja tinggi.

“Sudah banyak dobi yang ditutup kerana tiada pekerja, malah kami terpaksa tolak kontrak daripada industri yang perlukan khidmat dobi kerana masalah ini,” katanya.